

# 40 Pelajar UMS-KAL Sertai Kursus Pengacara Majlis

Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menyertai Kursus Pengacaraan Majlis 2012 di DewanTheattered, university itu, kelmarin. Kursus sehari itu dikendalikan oleh Pengacara TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Mohammad Hisham Mohammad Salleh.

Penyelaras Program, Norhana Nordin berkata kursus yang diadakan dari pukul 8.30 pagi hingga 5 petang itu dianjurkan Unit Aktiviti dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL.

Katanya, kursus itu bertujuan untuk member pendedahan dan pengetahuan kepada mahasiswa UMS tentang cara-cara mengacara dan mengendalikan sebuah majlis sama ada

rasmii mahupun tidak rasmii dengansebaik-baiknya dalam sesuatu aktiviti yang mereka laksanakan.

Beliau berkata kursus itu juga bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pelajar yang berbakat darisegei pengacaraan dan kemahiran yang diperlukan di university dan negara ini amnya.

Sementara itu, pelajar Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Josephine Lee Choon Nee, berkata kursus itu member manfaat kepada beliau yang berminat

untuk menjadi pengacara program pelajar di UMS-KAL.

Katanya, panduan yang dikongsi pengacara Selamat Pagi Malaysia itu akan digunakan dengan sebaik mungkin untuk mengendalikan sesuatu acara rasmi dan tidak rasmi di university itu.

“ Banyak lagi perkara yang perlu kami pelajari sebelum menjadi pengacara yang mampu mengendalikan sesuatu program anjuran university dan pelajar di UMS-KAL,” katanya.

